



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jil. 67**

**16hb Januari 2014**

**No. 2**

---

---

**No. 17.**

ORDINAN KUMPULAN WANG PERUSAHAAN GETAH  
(PENANAMAN SEMULA) 1952  
(Bilangan 8 Tahun 1952)

RUBBER INDUSTRY (REPLANTING) FUND  
ORDINANCE 1952  
(No. 8 of 1952)

PERATURAN-PERATURAN PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL  
PERUSAHAAN GETAH (SKIM NO. 6) 1981

RUBBER INDUSTRY SMALLHOLDERS DEVELOPMENT AUTHORITY  
(SCHEME NO. 6) REGULATIONS 1981

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada saya oleh perenggan 8 Peraturan-peraturan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Skim No. 6) 1981, saya Encik Rusly bin Yaacob, Pengarah RISDA Negeri Terengganu dengan ini memberitahu notis bahawa 'Daftar Permohonan-Permohonan Untuk Bantuan-Bantuan Tanam Semula Kebun-Kebun Kecil Getah' bagi tahun 2014 akan dibuka mulai pada 1 Januari 2014 dan ditutup pada 31 Disember 2014.

2. Permohonan hendaklah dibuat di atas borang-borang yang ditentukan yang boleh didapati daripada pejabat-pejabat berikut:

- 
- 
- (i) Pejabat RISDA Negeri Terengganu
- (ii) Pejabat RISDA Daerah/ Jajahan/Bahagian : 1. Besut  
2. Setiu  
3. Hulu Terengganu  
4. Marang/Kuala Terengganu  
5. Dungun  
6. Kemaman
- (iii) Pejabat RISDA Stesen : 1. Pasir Akar  
2. Kampung Raja  
3. Permaisuri  
4. Jabi  
5. Sungai Tong  
6. Chalok  
7. Tepoh  
8. Bukit Payong  
9. Marang  
10. Dungun  
11. Jerangau  
12. Kemasik  
13. Kemaman  
14. Air Puteh  
15. Kuala Berang  
16. Ajil
- (iv) Kakitangan Luar Pihak berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)
- (v) Portal Rasmi RISDA <http://www.risda.gov.my> pada pautan “Muat Turun Borang” atau “Permohonan Bantuan Tanam Semula (TS Online)” atau <http://tsonline.risda.gov.my> melalui capaian browser Internet Explorer.

3. Permohonan yang tidak dibuat di atas borang-borang yang ditentukan atau tidak diterima dalam tempoh yang dinyatakan di atas atau tidak dibuat terhadap kebun kecil yang didaftarkan di bawah perenggan 7 Peraturan-Peraturan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Skim No. 6) 1981, boleh dianggap sebagai permohonan-permohonan yang tidak dilayani.

In exercise of powers conferred by paragraph 8 of the Rubber Industry Smallholders Development Authority (Scheme No. 6) Regulations 1981, I Encik Rusly bin Yaacob State RISDA Director of the State of Terengganu hereby give notice that the “Register of Applications For Grants For the Replanting Of Rubber Smallholdings” for the year 2014 shall be opened on the 1 January 2014 and shall be closed on the 31 December 2014.

2. Application should be made on the prescribed application forms obtainable from any of the following:

- (i) State RISDA Office at Terengganu.
- (ii) District/Division RISDA Office at:
  - 1. Besut
  - 2. Setiu
  - 3. Hulu Terengganu
  - 4. Marang/Kuala Terengganu
  - 5. Dungun
  - 6. Kemaman
- (iii) Station RISDA Office at :
  - 1. Pasir Akar
  - 2. Kampung Raja
  - 3. Permaisuri
  - 4. Jabi
  - 5. Sungai Tong
  - 6. Chalok
  - 7. Tepoh
  - 8. Bukit Payong
  - 9. Marang
  - 10. Dungun
  - 11. Jerangau
  - 12. Kemasik
  - 13. Kemaman
  - 14. Air Puteh
  - 15. Kuala Berang
  - 16. Ajil
- (iv) Field Staff of the Rubber Industry Smallholders Development Authority (RISDA).
- (v) RISDA Portal <http://www.risda.gov.my> click on “Download Forms” or “Application For Replanting Grant (TS Online)” or <http://tsonline.risda.gov.my> using Internet Explorer browser.

3. Any application which is not made on the prescribed application forms or is not received within the period prescribed above or is not made in respect of a smallholding registered under paragraph 7 of the Rubber Industry Smallholders Development Authority (Scheme No. 6) Regulations 1981 may be considered as an inadmissible application.

Bertarikh 21 Disember 2013  
Dated 21 December 2013  
[SUK. Tr. 970/105(2)]

RUSLY BIN YAACOB  
*Pengarah RISDA Negeri,*  
*Terengganu/*  
*State RISDA Director,*  
*Terengganu*

**No. 18.**

KANUN TANAH NEGARA  
(Akta 56 Tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE  
(Act 56 of 1965)

(Subseksyen 62(1))

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

(Subsection 62(1))

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*], Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan dipetakan di atas pelan yang diperakui No. PA 217718 Lembar Piawai No. 18-D yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Terengganu, bagi maksud awam, iaitu suatu tapak untuk Gelanggang Futsal dan telah menetapkan bahawa Pegawai Daerah Setiu atau pengganti-pengganti jawatannya hendaklah menyenggara tanah rizab.

JADUAL

Daerah—Setiu. Mukim—Caluk. Kawasan—Kampung Bari Besar. No. Pelan— PA 217718. Lembar Piawai—18-D. No. Lot—171617. Luas—3178 meter persegi.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56/1965*], the State Authority of Terengganu Darul Iman has reserved the land described in the Schedule and delineated upon certified plan No. CP 217718 Sheet No. 18-D deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Terengganu, for a public purpose, to wit, a site for Futsal Court and has designated that the District Officer of Setiu or his successors in office shall maintain the reserved land.

## SCHEDULE

District—Setiu. Mukim—Caluk. Locality—Kampung Bari Besar. Plan No.—CP 217718. Sheet No.—18-D. Lot No.—71617. Area—3178 square metres.

Bertarikh 18 Disember 2013  
Dated 18 December 2013  
[PTG. Tr. 07/66/2012/0045;  
PTS. 01/66/2012/0045(12);  
PUN. Tr. 70 Sj. 3 Jld. 31(20)]

HAJI AZHAR BIN JUSOH  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*  
*Terengganu/*  
*Secretary of the State Executive Council*  
*of Terengganu*

**No. 19.**

(Subseksyen 62(1))

## PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

(Subsection 62(1))

## RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*], Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan dipetakan di atas pelan yang diperakui No. PA 219297 Lembar Piawai No. 172-A yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Terengganu, bagi maksud awam, iaitu suatu tapak untuk Tabika KEMAS dan telah menetapkan bahawa Pegawai Daerah Kemaman atau pengganti-pengganti jawatannya hendaklah menyenggara tanah rizab.

## JADUAL

Daerah—Kemaman. Mukim—Bandi. Kawasan—Bandar Cheneh Baru. No. Pelan—PA 219297. Lembar Piawai—172-A. No. Lot—60035. Luas—3211 meter persegi.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56/1965*], the State Authority of Terengganu Darul Iman has reserved the land described in the Schedule and delineated upon certified plan No. CP 219297 Sheet No. 172-A deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Terengganu, for a public purpose, to wit, a site for KEMAS Nursery and has designated that the District Officer of Kemaman or his successors in office shall maintain the reserved land.

## SCHEDULE

District—Kemaman. Mukim—Bandi. Locality—Bandar Cheneh Baru. Plan No.—CP 219297. Sheet No.—172-A. Lot No.—60035. Area—3211 square metres.

Bertarikh 31 Desember 2013

HAJI AZHAR BIN JUSOH

Dated 31 December 2013

*Setiausaha*

[PTG. Tr. 04/66/2012/0013;

*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*

PTK. 01/66/2011/0001;

*Terengganu/*

PUN. Tr. 70 Sj. 3 Jld. 31(24)]

*Secretary of the State Executive Council  
of Terengganu*

**No. 20.**

(Subseksyen 62(1))

## PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

(Subsection 62(1))

## RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*], Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan dipetakan di atas pelan yang diperakui No. PA 128830 Lembar Piawai No. 41-B-II & 42-A-I yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Terengganu, bagi maksud awam, iaitu suatu tapak untuk Sistem dan Perkhidmatan Pembentungan dan telah menetapkan bahawa Pesuruhjaya Tanah Persekutuan atau pengganti-pengganti jawatannya hendaklah menyenggara tanah rizab.

## JADUAL

Daerah—Kuala Terengganu. Mukim—Kuala Nerus. Kawasan—Taman Desa YT. No. Pelan— PA 128830. Lembar Piawai—41-B-II & 42-A-I. No. Lot—31000. Luas—983 meter persegi.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56/1965], the State Authority of Terengganu Darul Iman has reserved the land described in the Schedule and delineated upon certified plan No. CP 128830 Sheet No. 41-B-II & 42-A-I deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Terengganu, for a public purpose, to wit, a site for Sewerage Service and System and has designated that the Federal Land Commissioner or his successors in office shall maintain the reserved land.

## SCHEDULE

District—Kuala Terengganu. Mukim—Kuala Nerus. Locality—Bandar Cheneh Baru. Plan No.—CP 128830. Sheet No.—41-B-II & 42-2-I. Lot No.—31000. Area—983 square metres.

Bertarikh 31 Disember 2013  
Dated 31 December 2013  
[PTG. Tr. 05/35/2003/0110;  
PTK. Tr. 12/66/2013/0001;  
PUN. Tr. 70 Sj. 3 Jld. 31(26)]

HAJI AZHAR BIN JUSOH  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*  
*Terengganu/*  
*Secretary of the State Executive Council*  
*of Terengganu*

**No. 21.**

(Subseksyen 62(1))

## PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

(Subsection 62(1))

## RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan dipetakan di atas pelan yang diperakui No. PA 205790 Lembar Piawai No. 49-D yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Terengganu, bagi maksud awam, iaitu suatu tapak untuk Masjid Al Hidayah dan telah menetapkan bahawa Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu atau pengganti-pengganti jawatannya hendaklah menyenggara tanah rizab.

## JADUAL

Daerah—Kuala Terengganu. Mukim—Belara. Kawasan—Kampung Peradong. No. Pelan—PA 205790. Lembar Piawai—49-D. No. Lot—70086. Luas—12856 meter persegi.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56/1965], the State Authority of Terengganu Darul Iman has reserved the land described in the Schedule and delineated upon certified plan No. CP 205790 Sheet No. 49-D deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Terengganu, for a public purpose, to wit, a site for Al Hidayah Mosque and has designated that the Commissioner of Religious Affairs of Terengganu or his successors in office shall maintain the reserved land.

## SCHEDULE

District—Kuala Terengganu. Mukim—Belara. Locality—Kampung Peradong. Plan No.—CP 205790. Sheet No.—49-D. Lot No.—70086. Area—12856 square metres.

Bertarikh 31 Desember 2013

Dated 31 December 2013

[PTG. Tr. 05/62/2008/J/045;

PTK. Tr. 104/62/2007/J/013;

PUN. Tr. 70 Sj. 3 Jld. 31(22)]

HAJI AZHAR BIN JUSOH

*Setiausaha*

*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*

*Terengganu/*

*Secretary of the State Executive Council  
of Terengganu*

**No. 22.**

(Perenggan 64(2)(b))

## PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

(Paragraph 64(2)(b))

## REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Bahawasanya menurut Pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Terengganu* No. 619 bertarikh 13 Ogos 1987, Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan dipetakan di atas pelan yang diperakui No. PA II-053807 Lembar Piawai No. NO. 10-A yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Terengganu, bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Balai Pemeriksaan Hutan dan telah menetapkan bahawa Pengarah Perhutanan Negeri Terengganu atau pengganti-pengganti jawatannya hendaklah menyenggara tanah rizab itu.

Dan bahawasanya notis cadangan Pihak Berkuasa Negeri untuk membatalkan rizab tersebut telah disiarkan sebagai Pemberitahuan Bilangan 461 dalam *Warta Kerajaan Negeri Terengganu* bertarikh 24 Mei 2012.



Dan bahawasanya tiada apa-apa bantahan terhadap cadangan pembatalan itu diterima.

Maka, oleh yang demikian, Pihak Berkuasa Negeri pada menjalankan kuasa yang diberi oleh perenggan 64(2)(b) Kanun Tanah Negara dengan ini membatalkan seluruh rizab tersebut.

#### JADUAL

Daerah—Besut. Mukim—Pasir Akar. Kawasan—Cegar Batang. No. Pelan—PA II-053807. Lembar Piawai—10-A. No. Lot—3007. Luas—6598 meter persegi.

Whereas by Notification published in the Terengganu State Government *Gazette* No. 619 dated 13 August 1987, the State Authority of Terengganu Darul Iman in exercise of the powers under subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56/1965], has reserved the land described in the Schedule and delineated upon Certified Plan No. II-053807 Sheet No. 10-A deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Terengganu, for a public purpose, to wit, a site Forest Checking Station and has designated that the State Director of Forest Terengganu or his successors in office shall maintain the reserved land.

And whereas notice of the proposal of the State Authority to revoke the reserved land was published as a Notice No. 461 in the Terengganu Government *Gazette* dated 24 May 2012.

And whereas no objection to the proposal to revoke the aforesaid reservation was received.

Now, therefore, in exercise of the powers conferred by paragraph 64(2)(b) of the National Land Code, the State Authority hereby revokes the reservation of the whole reserved land.

#### SCHEDULE

District—Besut. Mukim—Pasir Akar. Locality—Cegar Batang. Plan No.—CP II-053807. Sheet No.—10-A. Lot No.—3007. Area—6598 square metres.

Bertarikh 31 Disember 2013  
Dated 31 December 2013  
[PTG. Tr. 11/519;  
PTB. 11/15/2010/0002;  
PUN. Tr. 70 Sj. 3 Jld. 31(28)]

HAJI AZHAR BIN JUSOH  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*  
*Terengganu*  
*Secretary of the State Executive Council*  
*of Terengganu*

**No. 23.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu Chong Cheng Sun @ Cheong Cheng Sun K/P. 530330–11–5205 yang beralamat di No. 4113, Taman Bukit Mentok, 24000 Cukai, Kemaman, Terengganu telah membuat akuan bahawa hakmilik yang dikeluarkan sebagaimana Jadual di bawah telah hilang.

## JADUAL

Mukim—Cukai. No. Lot—6101. Jenis dan No. Hakmilik—GRN. 8904. Luas—143 meter persegi.

Bertarikh 17 Disember 2013  
[PTG. Tr. 04/55/2013/B/008]

WAN MOHD FIRDAUS BIN WAN SEMBAK  
*Pendaftar Hakmilik  
Terengganu*

**No. 24.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu Robson Miranda K/P. 241231–11–5381 yang beralamat di No. 26 A, Jalan Sulaiman, 23000 Dungun, Terengganu telah membuat akuan bahawa hakmilik yang dikeluarkan sebagaimana Jadual di bawah telah hilang.

## JADUAL

Bandar—Dungun. No. Lot—342. Jenis dan No. Hakmilik—PN. 8992. Luas—734 meter persegi.

Bertarikh 30 Disember 2013  
[PTG. Tr. 02/55/2013/B/004]

WAN MOHD FIRDAUS BIN WAN SEMBAK  
*Pendaftar Hakmilik  
Terengganu*

**No. 25.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu Sie Chock Keng K/P. 361231-71-6051 yang beralamat di No. 134, Jalan Pasir Akar, Jertih, 22000 Terengganu telah membuat akuan bahawa hakmilik yang dikeluarkan sebagaimana Jadual di bawah telah hilang.

## JADUAL

Pekan—Jertih. No. Lot—167. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(D). 113. Luas—138.054 meter persegi.

Bertarikh 30 Disember 2013  
[PTG. Tr. 01/55/2013/B/013]

WAN MOHD FIRDAUS BIN WAN SEMBAK  
*Pendaftar Hakmilik  
Terengganu*

**No. 26.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu Wong Yoke Leng K/P. 541217-11-5020 yang beralamat di No. 624, Lorong Jambu, Jalan Pasir Panjang, 21100 Kuala Terengganu telah membuat akuan bahawa hakmilik yang dikeluarkan sebagaimana Jadual di bawah telah hilang.

## JADUAL

Mukim—Bukit Besar. No. Lot—3151. Jenis dan No. Hakmilik—PN. 2545. Luas—1015.7609 meter persegi.

Bertarikh 30 Disember 2013  
[PTG. Tr. 05/55/2013/B/015]

WAN MOHD FIRDAUS BIN WAN SEMBAK  
*Pendaftar Hakmilik  
Terengganu*

No. 27.

(Subseksyen 80(2))

## PEMBERITAHU LELONGAN AM

Adalah diberitahu kepada orang ramai iaitu Pejabat Tanah, Besut akan menjual lelong satu (1) tanah kerajaan P.T. 6521 di kawasan Kapeh, Mukim Hulu Besut.

2. Lelongan ini akan dijalankan pada 29 Januari 2014 (Rabu) jam 10.00 pagi .

3. (a) Kenyataan Tanah:

- |                           |   |  |
|---------------------------|---|--|
| (i) Tempat                | — | Kapeh.   |
| (ii) Keluasan (sementara) | — | 1.0000 hektar.   |
| (iii) Jenis Penggunaan    | — | Pertanian.   |
| (iv) Surat Hakmilik       | — | Pajakan Mukim 60 tahun<br>Keputusan MMKN Bil. 33/2013.<br>bertarikh 6 November 2013. |

(b) Harga Tanah:

Harga permulaan lelong ialah sebanyak – RM12,190.00.

(c) Harga Tambahan:

(i) Hasil Tahunan	:	RM	10.00
(ii) Bayaran Upah Ukur	:	RM	50.00
(iii) Tanda Sempadan	:	RM	35.00
(iv) Persediaan Pelan	:	RM	5.00
(v) Persediaan Pelan & Pendaftaran Hakmilik Sementara	:	RM	20.00
(v) Persediaan & Pendaftaran Hakmilik Kekal	:	RM	20.00
Jumlah :			RM 140.00

(d) Syarat Nyata:

Hendaklah ditanam dengan tanaman buah-buahan sahaja.

(e) Sekatan Kepentingan:

- (i) Tanah ini tidak dibenarkan pindahmilik, digadai atau pajak dalam tempoh 10 tahun daripada ianya diberimilik.
- (ii) Selepas tempoh (i) di atas tanah ini tidak dibenarkan pindahmilik, digadai atau dipajak kecuali mendapat kebenaran ~~Pentadbir Tanah~~ Besut.

4. Syarat-syarat melelong adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Peraturan 26, Peraturan Tanah Terengganu, tahun 1966 seperti berikut:
  - (i) Pentadbir Tanah Daerah berhak membatalkan atau menangguhkan jualan itu pada bila-bila masa sebelum diterima tawaran daripada penyambut-penyambut lelong;
  - (ii) Penyambut yang tinggi sekali itulah yang jadi pembeli, asalkan tawarannya itu sama dengan atau lebih tinggi daripada harga khas;
  - (iii) Sebaik sahaja tawarannya diterima maka hendaklah pembeli itu membayar cengkeram wang tunai kepada Pentadbir Tanah Daerah sebanyak dua puluh lima peratus (25%) daripada harga yang disambutnya bersekali dengan bayaran-bayaran tambahan yang tersebut di dalam perenggan 3 di atas dan sekiranya tidak disempurnakan sedemikian, tanah-tanah ini hendaklah dilelong semula dengan serta merta.
  - (iv) Wang pembelian itu hendaklah dijelaskan oleh pembeli sebelum berakhir urusan jual beli pada hari yang ke seratus dua puluh (120) hari daripada hari jualan tanah yang dibelinya itu dan dengan demikian selesai dan putusnyanya pembelinya. Jika sekiranya tidak dibayar dengan sepenuhnya seperti yang tersebut itu maka hilanglah wang cengkeramnya, dapat kepada Pihak Yang Berkuasa Negeri dan pembeli yang mungkir itu hilanglah segala tuntutan kepada tanah itu atau sebarang bahagian daripada wang harganya sekiranya tanah itu dijual kemudian dengan sebab mungkirnya itu.
  - (v) Surat-surat Milik Penyudah hendaklah didaftarkan dan dikeluarkan dengan seberapa segera setelah jualan itu. Jika tanah itu belum diukur oleh Ketua Juruukur maka hendaklah dikeluarkan keterangan Hakmilik Sementara.
  - (vi) Hendaklah diberimilik serta-merta selepas sahaja didaftarkan Surat Keterangan Milik Kekal atau keterangan Hakmilik Sementara.
5. Sesiapa yang hendak melihat pelan atau mengetahui lebih lanjut berkenaan tanah-tanah tersebut hendaklah datang ke Pejabat Tanah Besut pada waktu pejabat dibuka.

**No. 28.**

(Subseksyen 80(2))

## PEMBERITAHU LELONGAN AM

Adalah diberitahu kepada orang ramai iaitu Pejabat Tanah, Besut akan menjual lelong satu (1) tanah kerajaan P.T. 4324 di kawasan Dusun Bubur, Mukim Tenang.

2. Lelongan ini akan dijalankan pada 29 Januari 2014 (Rabu) jam 10.30 pagi .

3. (a) Kenyataan Tanah:

- |                           |   |  |
|---------------------------|---|--|
| (i) Tempat                | — | Dusun Bubur.   |
| (ii) Keluasan (sementara) | — | 0.9830 hektar.   |
| (iii) Jenis Penggunaan    | — | Pertanian.   |
| (iv) Suratan Hakmilik     | — | Pajakan Mukim 60 tahun<br>Keputusan MMKN Bil. 487/2013.<br>bertarikh 27 Februari 2013. |

(b) Harga Tanah:

Harga permulaan lelong ialah sebanyak – RM9,000.00.

(c) Harga Tambahan:

(i) Hasil Tahunan	:	RM	10.00
(ii) Bayaran Upah Ukur	:	RM	50.00
(iii) Tanda Sempadan	:	RM	20.00
(iv) Persediaan Pelan	:	RM	5.00
(v) Persediaan Pelan & Pendaftaran	:	RM	20.00
Hakmilik Sementara			
(v) Persediaan & Pendaftaran	:	RM	20.00
Hakmilik Kekal			
Jumlah			<u>RM 125.00</u>

(d) Syarat Nyata:

Hendaklah ditanam dengan tanaman buah-buahan sahaja.

(e) Sekatan Kepentingan:

- (i) Tanah ini tidak dibenarkan pindahmilik, digadai atau pajak dalam tempoh 10 tahun daripada ianya diberimilik.

- 
- 
- (ii) Selepas tempoh (i) di atas tanah ini tidak dibenarkan pindahmilik, digadai atau dipajak kecuali mendapat kebenaran Pentadbir Tanah Besut.
4. Lelongan ini hendaklah dibuka kepada Orang Melayu mengikut tafsiran di bawah Enakmen Tanah Simpanan bagi Orang-orang Melayu 17/1360H.
5. Syarat-syarat melelong adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Peraturan 26, Peraturan Tanah Terengganu, tahun 1966 seperti berikut:
- (i) Pentadbir Tanah Daerah berhak membatalkan atau menangguhkan jualan itu pada bila-bila masa sebelum diterima tawaran daripada penyambut-penyambut lelong;
  - (ii) Penyambut yang tinggi sekali itulah yang jadi pembeli, asalkan tawarannya itu sama dengan atau lebih tinggi daripada harga khas;
  - (iii) Sebaik sahaja tawarannya diterima maka hendaklah pembeli itu membayar cengkeram wang tunai kepada Pentadbir Tanah Daerah sebanyak dua puluh lima peratus (25%) daripada harga yang disambutnya bersekali dengan bayaran-bayaran tambahan yang tersebut di dalam perenggan 3 di atas dan sekiranya tidak disempurnakan sedemikian, tanah-tanah ini hendaklah dilelong semula dengan serta merta.
  - (iv) Wang pembelian itu hendaklah dijelaskan oleh pembeli sebelum berakhir urusan jual beli pada hari yang ke seratus dua puluh (120) hari daripada hari jualan tanah yang dibelinya itu dan dengan demikian selesai dan putusya pembelannya. Jika sekiranya tidak dibayar dengan sepenuhnya seperti yang tersebut itu maka hilanglah wang cengkeramnya, dapat kepada Pihak Yang Berkuasa Negeri dan pembeli yang mungkir itu hilanglah segala tuntutan kepada tanah itu atau sebarang bahagian daripada wang harganya sekiranya tanah itu dijual kemudian dengan sebab mungkirnya itu.
  - (v) Surat-surat Milik Penyudah hendaklah didaftarkan dan dikeluarkan dengan seberapa segera setelah jualan itu. Jika tanah itu belum diukur oleh Ketua Juruukur maka hendaklah dikeluarkan keterangan Hakmilik Sementara.
  - (vi) Hendaklah diberimilik serta-merta selepas sahaja didaftarkan Surat Keterangan Milik Kekal atau keterangan Hakmilik Sementara.
6. Sesiapa yang hendak melihat pelan atau mengetahui lebih lanjut berkenaan tanah-tanah tersebut hendaklah datang ke Pejabat Tanah Besut pada waktu pejabat dibuka.

No. 29.

## AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

(Akta 486)

(Seksyen 8)

## PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Tapak Pertumbuhan Desa, Kampung Pengkalan Rangun Mukim Kertih, Daerah Kemaman.

2. Suatu pelan bagi tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu-waktu bekerja biasa di Pejabat Tanah bagi daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

## JADUAL

## Mukim—Kertih. Daerah—Kemaman.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
	PN.		Hektar	Hektar
8118	8436	Yee Seng Plantations Sdn. Bhd. -1/1 BHG.	1.483	1.483

Bertarikh 21 Januari 2014  
[PTG.Tr. 04/62/2013/H/036;  
PTK. 08/62/2012/C/001]

DATO' TUAN MAMAT BIN TUAN NGAH  
*Pengarah Tanah dan Galian  
Terengganu*

Hak Cipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN KUALA TERENGGANU  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA